

**AMALAN PENGHAYATAN PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP  
MURID BERAGAMA ISLAM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA**

**MUHAMMAD FIKRI BIN NORDDIN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

AMALAN PENGHAYATAN PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP MURID  
BERAGAMA ISLAM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA

MUHAMMAD FIKRI BIN NORDDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2017

## DEDIKASI

Segala puji bagi **ALLAH** tuhan semesta Alam  
Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang  
Dan tidak lupa juga Selawat dan Salam disampaikan kepada junjungan besar nabi kita

**Nabi Muhammad S.A.W**

**...Kepada Kedua Ibu dan Bapa Tercinta...**

***Norddin Bin Maarof dan Rokiah Bte Ali***

Penggerak keazaman dan kekuatan dalam kehidupan  
Membakar Semangat dalam setiap perjuangan, tabah dan sabar dalam memberi  
didikan

**...Kepada Abang Dan Adik Tersayang...**

***Muhamad Faiz Bin Norddin dan Fatin Nur Fatimah Bte Norddin***

Kesyukuran atas sokongan dan semangat yang diberikan  
Tidak lupa doa yang tidak putus-putus diberikan  
Agar menjadi satu ikatan yang tidak akan putus ditelan usia

**...Kepada Para Pendidik Dihormati...**

Terima Kasih atas setiap tunjuk ajar yang diberikan  
Terima Kasih atas segala ilmu yang dicurahkan  
Terima Kasih kerana menjadikan kami insan berguna

**...Kepada Rakan- Rakan Suka Dan Duka Bersama...**

Menjadi penggerak dalam setiap kekusutan  
Membina ruang dan jalan bagi setiap kesempatan  
Terima Kasih atas dorongan yang tidak jemu- jemu diberikan

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T di atas segala nikmat dan rahmat yang diberikan disertai dengan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammd S. A.W ,melalui pelbagai halangan dan dugaan yang ditempuh maka dapat juga saya menyiapkan laporan Ijazah Sarjana Falsafah ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya ***Prof. Mifedwil Jandra Bin Mohd Janan, Prof. Madya. Dr. Ajmain@Jima'ain dan Dr. Kamarul Azmi Bin Jasmi*** yang telah banyak membantu dan membimbing serta tidak jemu memberi dorongan dan kata-kata semangat untuk saya meneruskan perjuangan agar laporan yang dijalankan ini dapat dihasilkan dengan baik. Tidak ketinggalan juga buat keluarga tercinta, teman-teman seperjuangan bersama yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan galakan tidak mengira waktu senang dan susah agar saya tidak pernah mengenal erti penat,berputus asa dalam kehidupan dan sentiasa memperbaiki diri ke arah kebaikan.

Akhir kata, ucapan terima kasih ini juga kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan laporan ini. Sesungguhnya segala yang baik itu datang dari Allah, begitu juga terhadap sesuatu perkara yang buruk juga adalah di atas ketentuan Allah yang sememangnya disandarkan kepada kelemahan diri saya sendiri. Semoga Allah dapat membalas jasa kalian semua agar menjadi insan bertakwa, cemerlang dan gemilang sama ada di dunia mahupun di akhirat.

## ABSTRAK

Pendidikan Islam adalah penting kepada semua murid beragama di Sekolah Kebangsaan termasuklah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji dan mengenal pasti amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid beragama Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan serta minat murid beragama Islam terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Johor Bahru. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Justeru, kajian yang dijalankan ini melibatkan sembilan orang murid darjah 5 sebagai data utama dan tiga orang Guru Pendidikan Islam (GPI) bagi mendapatkan data sokongan daripada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang terletak di dalam kawasan Daerah Johor Bahru. Hasil temu bual yang dijalankan kemudiannya ditukarkan ke dalam bentuk verbatim dan disokong melalui pemerhatian dan analisis dokumen yang dijalankan sepanjang berada di kawasan lapangan kajian. Kajian ini menggunakan perisian N'Vivo 11 bagi proses analisis data dan seterusnya membentuk, tema, sub-tema, dan sub-sub tema yang bersesuaian. Pada akhir kajian ini, enam buah model amalan penghayatan Pendidikan Islam telah dihasilkan iaitu model amalan penghayatan asuhan tilawah al-Quran, akidah, ibadah, sirah, akhlak dan jawi. Diharapkan enam model amalan penghayatan Bidang Pendidikan Islam yang dihasilkan ini dapat dijadikan panduan berguna kepada semua Guru Pendidikan Islam yang bertugas di SJKC dalam memberi gambaran dan pendedahan awal terhadap tahap amalan penghayatan murid-murid beragama Islam di SJKC di dalam kawasan daerah Johor Bahru. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan rujukan utama kepada semua SJKC di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya Bahagian Pendidikan Islam dan Bahagian Pengurusan Sekolah Rendah khususnya, Jemaah Nazir, Jabatan Pelajaran Negeri, dan semua Guru Pendidikan Islam di sekolah amnya.

## ABSTRACT

Islamic education is important to all Muslim pupils in primary schools including the National-type School (Chinese). The aims of this study are to investigate and identify the practice of Islamic education among Muslim pupils and also factors that influence the practice and the interest of pupils towards Islamic education in National-type School (Chinese) in Johor Bahru. This study was conducted using a qualitative approach. It involved a total of nine pupils who were in standard five as a main respondent and three teachers as a supporter respondent from three National-type School (Chinese) in Johor Bahru. Interviews were conducted first and later the theme were obtained by taking the verbatim points from the interviews. It was also supported by the analysis of data through observation during the data collection. This study used N'Vivo 11 for a further analysis and data were analyzed to develop themes, sub-themes, and sub-sub themes which appropriate for the study. At the end of the research, six models of practising Islamic education among the Muslim pupils in National-type School (Chinese) were completed. These six models were hoped to be a useful guidance for the Islamic education teachers in providing an early exposure on the practice of Islamic education among Muslim pupils in National-type School (Chinese) in Johor Bahru. In addition, this study is also expected to be a reference point for all National-type School (Chinese) under the Ministry of Education, particularly in Islamic Education Department and Primary Schools Management Division in particular, the Inspectorate, the State Education Department, and all Islamic teachers in school generally.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	
	<b>HALAMAN PENGAKUAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN PENGAKUAN PELAJAR</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii-xii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii-xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv-xvi
	<b>SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL</b>	xvii-xix
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Batasan Kajian	12
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.7.1 Kepentingan kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia	14

1.7.2	Kepentingan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah	15
1.7.3	Kepentingan kepada Guru Pendidikan Islam	15
1.8	Kerangka Konseptual	16
1.9	Definisi Operasional	17
1.9.1	Amalan	17
1.9.2	Penghayatan	17
1.9.3	Pendidikan Islam	19
1.9.4	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	19
1.10	Penutup	20
<b>2</b>	<b>TINJAUAN KEPUSTAKAAN</b>	
2.1	Pendahuluan	21
2.2	Penghayatan Agama	22
2.3	Konsep Penghayatan Agama	23
2.4	Teori Kajian	24
2.4.1	Teori Personaliti Imam Al-Ghazali	24
2.4.1.1	Pendidikan Islam menurut Imam Al-Ghazali	24
2.4.1.2	Penghayatan Agama menurut Imam Al-Ghazali	24
2.4.1.3	Teori Personaliti Penghayatan Agama Menurut Imam Al-Ghazali	25
2.4.2	Teori pembelajaran Albert Bandura	26
2.4.2.1	Implikasi Teori Albert Bandura terhadap amalan penghayatan Pendidikan Islam	27
2.5	Penghayatan agama terhadap Pendidikan Islam di sekolah	29
2.5.1	Bidang Asuhan Tilawah al-Quran	29
2.5.2	Bidang Ulum Syariah ( Akidah)	32



2.5.3	Bidang Ulum Syariah (Ibadah)	36
2.5.4	Bidang Ulum Syariah (Sirah)	39
2.5.5	Bidang Akhlak Islamiah	41
2.5.6	Bidang Jawi	45
2.6	Persepsi minat terhadap Pendidikan Islam	49
2.6.1	Konsep Minat	49
2.6.2	Elemen Mempengaruhi Minat Murid	49
2.6.2.1	Elemen Guru	49
2.6.2.2	Elemen Persekitaran kelas	50
2.6.2.3	Elemen Kerja Rumah	51
2.6.2.4	Elemen Kefahaman Murid	52
2.7	Faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan Pendidikan Islam	53
2.7.1	Faktor Ibu Bapa	53
2.7.2	Faktor Guru	57
2.7.3	Faktor Rakan	61
2.7.4	Faktor Media Massa	63
2.7.5	Faktor Persekitaran Sekolah	64
2.7.6	Faktor Individu	66
2.8	Kajian Lepas	67
2.8.1	Kajian Dalam Negara	67
2.8.2	Kajian Luar Negara	71
2.9	Penutup	73

### 3

### **METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	74
3.2	Pengenalan	75
3.3	Kaedah Kajian	75
3.4	Reka Bentuk Kajian	79
3.5	Lokasi Kajian	87
3.6	Populasi dan Sampel Kajian	88

3.7	Instrumen Kajian	92
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif	92
3.8	Prosuder Pemrosesan Data	94
3.8.1	Temu Bual	94
3.8.1.1	Temu Bual Responden Murid	95
3.8.1.2	Temu Bual Responden Guru	96
3.8.2	Pemerhatian	99
3.8.3	Analisis Dokumen	102
3.8.4	Analisis Data Temu Bual	105
3.8.5	Analisis Data Pemerhatian	107
3.8.6	Analisis Data Dokumen	108
3.9	Nota Lapangan dan Rujukan Diari	108
3.10	Kajian Rintis	109
3.11	Kesahan	111
3.12	Triangulasi	111
3.11	Bias Penyelidik	112
3.12	Pengesahan pakar	112
3.13	Penutup	113

## 4

### DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	114
4.2	Latar Belakang Sekolah	115
4.3	Latar Belakang Responden Murid	116
4.4	Latar Belakang Responden Guru	121
4.5	Analisis Dapatan Persoalan Kajian Pertama	122
4.6	Analisis Dapatan Persoalan Kajian Kedua	135
4.7	Analisis Dapatan Persoalan Kajian Ketiga	140
4.8	Analisis Dapatan Persoalan Kajian Keempat	153
4.9	Penutup	158

## **RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	159
5.2	Rumusan	160
5.3	Perbincangan	163
5.3.1	Persoalan Kajian Pertama	163
5.3.1.1	Bidang Asuhan Tilawah al-Quran	163
5.3.1.2	Bidang Akidah	164
5.3.1.3	Bidang Ibadah	166
5.3.1.4	Bidang Sirah	167
5.3.1.5	Bidang Akhlak Islamiah	168
5.3.1.6	Bidang Jawi	169
5.3.2	Persoalan Kajian Kedua	169
5.3.3	Persoalan Kajian Ketiga	170
5.3.3.1	Faktor Ibu Bapa	170
5.3.3.2	Faktor Guru	172
5.3.3.3	Faktor Rakan	174
5.3.3.4	Faktor Media Massa	176
5.3.3.5	Faktor Persekitaran Sekolah	177
5.3.3.6	Faktor Individu	179
5.3.4	Persoalan Kajian Keempat	179
5.4	Cadangan	185
5.4.1	Cadangan kepada pihak BPI Kementerian Pendidikan Malaysia	186
5.4.2	Cadangan kepada pihak JPN dan Pihak PPD	188
5.4.3	Cadangan kepada sekolah dan pentadbir	189
5.4.4	Cadangan kepada Ketua Panitia dan Guru Pendidikan Islam	189
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	190
5.6	Penutup	192

<b>RUJUKAN</b>	193
<b>LAMPIRAN</b>	216

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Langkah Kerja Dalam Reka Bentuk Keseluruhan Kajian	85
3.2	Adaptasi sumber dari Yin 2008	88
3.3	Analisis Dokumen Responden Murid	104
3.4	Analisis Dokumen Responden Guru	105
3.5	Gerak kerja analisis data	109
3.6	Senarai panel pakar	115
3.7	Indikator Tahap Persetujuan Kohen Cappa	115
4.1	Profil Responden Murid	119
4.2	Perbandingan Ciri Responden Murid	123
4.3	Profil Responden Guru	124
4.4	Adab sebelum membaca al-Quran	125
4.5	Adab selepas membaca al-Quran	126
4.6	Amalan lain terhadap al-Quran	127
4.8	Amalan Penghayatan Bidang Ulum Syariah (Akidah)	128
4.9	Adab sebelum solat	130
4.10	Adab semasa solat	131
4.11	Adab selepas solat	132

4.12	Cara menunaikan solat	133
4.13	Amalan Penghayatan Sirah	134
4.14	Adab di rumah	135
4.15	Adab di sekolah terhadap guru	135
4.16	Adab di sekolah terhadap rakan	136
4.17	Amalan Bidang Jawi	137
4.18	Minat murid	138
4.19	Elemen Guru	139
4.20	Elemen Persekitaran Kelas	140
4.21	Elemen Kerja Rumah	141
4.22	Elemen Kefahaman Murid	141
4.23	Sikap dan peranan guru	143
4.24	Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru	145
4.25	Faktor Ibu Bapa	147
4.26	Faktor Media Massa	150
4.27	Faktor Rakan	152
4.28	Faktor Persekitaran	153
4.29	Faktor Individu	155

## SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka kajian kualitatif amalan penghayatan Pendidikan Islam terhadap murid- murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	16
2.1	Teori Personaliti Imam Al-Ghazali	26
2.2	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	28
2.3	Model Penghayatan Akidah Al-Ghazali 2005	35
3.1	Kedudukan kaedah kajian kes dengan pendekatan Kualitatif	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	83
3.3	Carta Alir dan Gambaran Prosedur Persampelan Kajian	93
3.4	Struktur Pengumpulan Data Kualitatif	95
3.5	Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual	100
4.1	Pola Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Asuhan Tilawah al-Quran Murid-Murid Islam SJKC Daerah Johor Bahru	156
4.2	Pola Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akidah Murid-Murid Islam SJKC Daerah Johor Bahru	157
4.3	Pola Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Ibadah Murid-Murid Islam SJKC Daerah Johor Bahru	158

4.4	Pola Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Sirah Murid-Murid Islam SJKC Daerah Johor Bahru	159
4.5	Pola Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akhlak Islamiah Murid-Murid Islam SJKC Daerah Johor Bahru	160
4.6	Pola Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Jawi Murid-Murid Islam SJKC Daerah Johor Bahru	161
5.1	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Asuhan Tilawah al-Quran (MAPPIBATQ)	184
5.2	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akidah ( MAPPIBAKDH)	185
5.3	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Ibadah ( MAPPIBIBH)	186
5.4	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Sirah ( MAPPIBSRH)	187
5.5	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akhlak Islamiah ( MAPPIBAKH)	188
5.6	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Jawi ( MAPPIBJWI)	189



## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

%	Peratusan
&	dan
ADS1	Analisis Dokumen Sekolah Satu
ADS2	Analisis Dokumen Sekolah Dua
ADS3	Analisis Dokumen Sekolah Tiga
BBM	Bahan Bantu Mengajar
Bil	Bilangan
BPPDP	
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
<i>et al.</i>	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
DPK	(et alia): and others
FPI	Dasar Pendidikan Kebangsaan
FPK	Falsafah Pendidikan Islam
GPI	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPIS1	Guru Pendidikan Islam Sekolah Satu
GPIS2	Guru Pendidikan Islam Sekolah Dua
GPIS3	Guru Pendidikan Islam Sekolah Tiga
hal.	Halaman
JQAF	Singkatan Kepada Jawi Quran Arab Fardhu Ain
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah



KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPK	Kesatuan Perkhidmatan Penggunaan Kebangsaan
M1S1	Murid Satu Sekolah Satu
M1S2	Murid Satu Sekolah Dua
M1S3	Murid Satu Sekolah Tiga
MPI	Matlamat Pendidikan Islam
MAPPIBATQ	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Asuhan Tilawah al-Quran
MAPPIBAKDH	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akidah
MAPPIBIBH	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Ibadah
MAPPIBSRH	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Sirah
MAPPIAKH	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Akhlak
MAPPIJWI	Model Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Bidang Jawi
OS1	Observasi Sekolah Satu
OS2	Observasi Sekolah Dua
OS3	Observasi Sekolah Tiga
PAFA	Penilaian Asas Fardhu Ain
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
P&P	Profesor
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PI	Pendidikan Islam
S.A.W	Sallallahu Alaihi Wasalam
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
S.W.T	Subhanah wa Ta'a

TB

Temu bual

UPSR

Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Senarai Semak Borang Temu Bual	216-219
B	Borang Persetujuan Menjadi Responden	220
C	Borang Pengesahan dan Pesetujuan Responden Terhadap Data Temu Bual	221-222
D	Surat Kebenaran Ke Sekolah Kajian	223-224
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian BPPDP	225
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPNJ	226
G	Surat Pengesahan Pakar	227
H	Borang Pengesahan Persetujuan Pakar	228-230
I	Nota Ringkas Lapangan dan Diari	231-235
J	Maklumat Kajian Rintis	236
K	Senarai Teks Temu Bual , Laporan Observasi dan Analisis Dokumen	237-238
L	Jadual Matriks Jenis Data Dan Kekerapan Data Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid-Murid Islam Di SJKC Daerah Johor Bahru	239-251

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W bertujuan mengatur kehidupan umat manusia di muka bumi. Agama Islam merangkumi kesemua aspek kehidupan sama ada di dunia dan akhirat (Ahmad, 2008). Selari dengan kepentingan agama, maka penekanan terhadap penghayatan agama perlu dititikberatkan terutamanya dalam Pendidikan Islam agar seluruh umat manusia dapat menghayati kehidupan dengan penuh kemuliaan, kecemerlangan, kegemilangan, dan kesejahteraan meliputi peringkat individu mahupun di peringkat masyarakat (Affizal, 2008). Sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W itu diutuskan dengan agama Islam adalah dengan tujuan yang amat besar sebagaimana firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksud: “ Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

(Surah *al-Anbiya'*, 21:107)

Pendidikan Islam itu sendiri sememangnya memberikan impak yang besar dalam kehidupan manusia. Menurut Zakaria (2011), pendidikan yang utuh dan baik mampu melahirkan bangsa yang kuat dan mulia di sisi Allah S.W.T. Di samping itu, pendidikan terhadap agama Islam merupakan saluran utama yang dapat mempengaruhi amalan penghayatan dalam kehidupan seharian kerana perannya dalam memberi perhatian kepada kepentingan jasmani, rohani, agama dan kemajuan di dunia dan akhirat (H.M.Arifin, 2011). Dalam al-Quran menjelaskan sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ  
 مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Maksud: “Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberikan kitab kecuali setelah mereka memperoleh ilmu, kerana kedengkian di antara mereka. Barang siapa yang ingkar terhadap ayat-ayat Allah, maka sungguh, Allah sangat cepat perhitungan-Nya.”

(Surah *Ali'Imran*,3:19)

Selari dengan kepentingan agama Islam, maka penghayatan yang mendalam terhadap Pendidikan Islam perlu diwujudkan terutamanya dalam bidang pendidikan. Sebagaimana konteks pendidikan di Malaysia pada masa kini, Pendidikan Islam telah pun berkembang melalui pendidikan yang baik. Menurut Rosnani (2015), fungsi kepada pendidikan itu boleh dibahagikan kepada dua aspek, iaitu aspek individu dan aspek masyarakat. Bagi aspek individu, pendidikan itu sendiri dapat mempengaruhi amalan individu meliputi aspek intelek, jasmani, rohani mahupun akhlak. Potensi individu merujuk kepada potensi setiap murid di sekolah. Melalui amalan penghayatan dalam pendidikan Islam, murid dapat mengembangkan potensi masing-masing di sekolah ke arah yang lebih baik. Sementara itu, bagi aspek masyarakat, Pendidikan Islam bertindak sebagai sebuah agen dalam menyalurkan nilai murni, kemahiran, mahupun ideologi tertentu. Pada masa kini, Pendidikan Islam menjadi satu daripada mata pelajaran penting di sekolah dan merupakan subjek teras yang terkandung dalam sistem Pendidikan Negara sama ada di peringkat sekolah rendah kebangsaan atau jenis kebangsaan mahupun sekolah menengah kebangsaan

(Mohd Aliff, 2015). Pendidikan Islam juga merupakan subjek yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar yang beragama Islam agar mereka dapat memahami, menghayati serta mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka (Rosadah, 2007).

Melalui penghayatan yang mendalam mengenai Pendidikan Islam dalam diri setiap murid secara tidak langsung memberi kesedaran kepada murid tersebut untuk memahami dengan sebenar peranan Pendidikan Islam itu sendiri dalam mempengaruhi amalan kehidupan, tingkah laku, dan peribadi yang akan dilahirkan oleh setiap murid. Hal ini kerana pada kebiasaannya, pada zaman yang mencabar ini ramai di antara ibu bapa dan anak-anak mereka hanya menganggap penghayatan Islam ini sekadar pembacaan sebagai rujukan tanpa memerlukan kepada pelaksanaan dan penghayatan yang mendalam. Sebaliknya pelbagai tindakan perlu diambil oleh semua pihak kerana kepentingan agama harus dijadikan panduan oleh seseorang Muslim dalam kehidupannya.

Sememangnya, penghayatan terhadap Pendidikan Islam dapat menghubungkan manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam sejagat bagi menjamin kesejahteraan, keselamatan, kesempurnaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Abdul Rahim, 2003). Justeru, amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina haruslah dititikberatkan agar dapat membentuk generasi yang berilmu dan berpegang kepada prinsip yang berteraskan kepada ajaran yang diamalkan oleh Islam yang berlandaskan kepada pegangan al-Quran dan sunnah. Menurut Nik Rosila (2015), didikan amalan penghayatan yang bercorak keagamaan penting kerana penghayatan agama merupakan satu proses mendidik akal, jasmani dan rohani manusia yang berasaskan nilai kemanusiaan bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan berakhlak mulia.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sekolah merupakan sebuah organisasi pembelajaran yang penting dalam proses pembinaan terhadap amalan penghayatan keperibadian insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Di setiap sekolah, tidak kira Sekolah Kebangsaan (SK) atau Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) mahupun di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pada masa kini telah mempunyai mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini termaktub mengikut Akta Pelajaran (1997), bahawa sekiranya terdapat murid yang beragama Islam walaupun seorang, maka mata pelajaran Pendidikan Islam wajib diajarkan di sekolah. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam itu adalah penting dalam kehidupan seharian. Menurut Yusof (2004), pendidikan agama itu merupakan cahaya yang memberi petunjuk kepada setiap yang mencarinya dengan ikhlas semata-mata kerana Allah.

Dalam konteks pendidikan pada masa kini, Pendidikan Islam merupakan sebuah mata pelajaran penting yang dipelajari di sekolah. Tidak ketinggalan juga, kepentingan Pendidikan Islam kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Namun begitu, penekanan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina masih kurang diberi penekanan dan sememangnya amat membimbangkan banyak pihak. Walaupun terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan amalan penghayatan Pendidikan Islam yang dijalankan antaranya kajian Mohd Aderi (2009), mengenai amalan pengajaran guru terhadap pencapaian murid dalam bidang asuhan tilawah al-Quran, kajian Mansor (2010), yang menekankan aspek penghayatan pelajar tinjauan di Sekolah Menengah Kubang Pasu dalam bidang asuhan tilawah al-Quran, kajian Mazlyana (2011), mengenai hubungan antara tahap keberkesanan penghayatan Pendidikan Islam dengan personailiti Islamik pelajar di Sekolah Menengah di Kedah, kajian Julaisah (2012), mengenai kesan penghayatan Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar di Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, kajian Wan Ismail (2013), mengenai hubungan antara penghayatan ibadah dan kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah Daerah Segamat dan kajian Kamarul Bahriyah (2014), mengenai persepsi amalan penghayatan Pendidikan Islam dan perkaitannya dalam pembentukan akhlak remaja sebuah tinjauan di Kolej Universiti Islam Melaka serta kajian Muhammad Hidayat (2014), mengenai tahap kesediaan pelajar tingkatan dua terhadap

perlaksanaan akidah merentas kurikulum di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru. Namun begitu, kajian yang khusus kepada amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah rendah masih kurang dilakukan terutamanya dalam kalangan murid beragama Islam yang mendapatkan pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan memerlukan kajian yang mendalam.

Melihat kepada situasi yang sedang berlaku di SJKC terutamanya kepada murid Islam pada hari ini adalah sesuatu yang membimbangkan dan perlu dipandang serius. Hal ini kerana masih terdapat kekeliruan dan kurang kesedaran terhadap amalan penghayatan murid Islam di SJKC terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam itu semasa di sekolah. Hal ini selari dengan dengan kajian Azizi (2012), yang menyatakan masih terdapat kekeliruan dan kurangnya nilai penghayatan terhadap amalan Pendidikan Islam dalam diri murid-murid di sekolah. Kajian Sarimah dan Mohd Kashfi (2011), juga menyatakan segelintir ibu bapa murid yang berpendapat bahawa mempelajari ilmu agama di SK mahupun SJKC sudah memadai untuk anak-anak mereka mendapatkan pengetahuan agama yang cukup tanpa perlu dihantar ke Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Justeru, perbincangan kajian yang mendalam terhadap amalan penghayatan Pendidikan Islam di SJKC perlu dijalankan dengan lebih terperinci.

Selain itu adalah terdapat ibu bapa murid beragama Islam yang tidak membenarkan anak-anak mereka menghadirkan diri ke kelas Pendidikan Islam sebaliknya membiarkan anak mereka mempelajari mata pelajaran Pendidikan Moral di dalam kelas. Hal ini adalah kerana ada antara ibu bapa yang menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam itu amat sukar untuk difahami dan dihayati sehingga boleh menyebabkan anak-anak mereka gagal dalam peperiksaan serta pencapaian mereka di dalam kelas turut merundum berbanding Pendidikan Moral. (Bahagian Pengurusan Harian Sekolah Rendah (BPHSR,2015) bertarikh 11 Mei 2015. Justeru, mereka memilih supaya anak-anak mereka mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral bagi menggantikan mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini akan melihat dengan lebih tepat lagi mengenai punca kepada situasi yang berlaku di SJKC. Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina juga wujud pelbagai faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan dalam kehidupan murid Islam yang bersekolah di SJKC.

Hal ini selari dengan kajian Mohd Khairi (2013), menyatakan bahawa terdapat pelbagai faktor yang dapat mempengaruhi amalan penghayatan murid di sekolah. Jika di sekolah kebangsaan, murid boleh dipantau dari masa ke semasa oleh guru-guru kerana persekitaran yang mereka lalui adalah dalam suasana persekitaran Islam sepenuhnya iaitu majoritinya adalah beragama Islam, berbanding pula suasana di SJKC (Yaakub, 2010). Oleh itu, mereka akan sentiasa dinasihati dan diingatkan dari masa ke semasa akan setiap perbuatan mereka semasa di sekolah mahupun di rumah. Kajian Asmahani (2009), mendapati saban tahun terdapat peningkatan ibu bapa beragama Islam yang menghantar anak-anak mereka ke SJK bagi mendapatkan pendidikan. Kajian ini akan melihat apakah faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan murid bergama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Situasi yang berlaku di Sekolah Jenis kebangsaan Cina juga adalah aduan mengenai guru bukan beragama Islam yang mengajar di SJKC tidak membenarkan murid menghadiri kelas Pendidikan Islam kepada murid di SJKC malah mengajar subjek lain di dalam kelas dengan mengambil masa waktu Pendidikan Islam (Bahagian Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (BPIPR,2011) bertarikh 20 Oktober 2011. Hal ini sekali gus memberi impak yang negatif kepada minat murid yang ingin mempelajari Pendidikan Islam. Secara amnya, murid Islam di SJKC ini perlu meminta izin untuk ke kelas Pendidikan Islam, namun begitu pada suatu ketika mereka takut untuk meminta izin kepada guru mereka untuk keluar daripada kelas bagi mengikuti kelas Pendidikan Islam. Kajian ini juga perlu dibuat dalam melihat kesan yang timbul akibat sikap sesetengah guru yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Jika dilihat kepada masalah yang sedang berlaku di SJKC terutamanya kepada murid Islam pada hari ini adalah sesuatu yang membimbangkan dan perlu dipandang serius. Masalah pertama adalah kurangnya kesedaran daripada ibu bapa akan kepentingan ilmu agama dan kekangan masa menjadi punca ramai murid Islam pada hari ini yang tidak menghadiri kelas agama petang yang sememangnya wajib untuk didaftarkan. Perkara ini sekali gus bertentangan dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895 dan Akta Pendidikan Wajib 2007 yang diwujudkan dan telah pun termaktub mengenai pendidikan Agama Islam, yang mewajibkan setiap ibu, bapa atau waris hendaklah menghantar anak mereka ke sekolah. Berdasarkan kepada pemerhatian dan temu bual secara rawak bersama murid terhadap amalan dalam bidang Pendidikan Islam, ada antara mereka boleh menjawab dengan tepat soalan yang diajukan, namun kebanyakan daripada mereka yang tertukar jawapan dan tidak dapat menjawab langsung soalan yang diajukan kepada mereka. Temu bual secara rawak dijalankan kepada bidang-bidang lain di dalam Pendidikan Islam seperti akidah mengenai rukun Islam dan rukun Iman, bidang sirah mengenai kisah hidup Nabi Muhammad S.A.W, bidang ibadah seperti tatacara wuduk dan solat, bidang akhlak mengenai adab terhadap guru dan ibu bapa, seterusnya bidang jawi mengenai bacaan dan penulisan jawi dan sebagainya (Laporan Kajian Rintis) bertarikh 25 Januari 2016 sehingga 07 Februari 2016.

Kajian Nazri (2010), menyatakan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan adalah bergantung kepada sikap mereka di sekolah. Perkara ini amat membimbangkan terutamanya dari sudut penghayatan sebenar murid beragama Islam di SJKC. Tambahan pula, penghayatan merupakan satu proses pembelajaran yang berterusan dan perlu kepada usaha yang berterusan. (Hassan, 1981). Menurut Mansor (2007), penghayatan terhadap akhlak mulia dan nilai murni di sekolah boleh digambarkan melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati seseorang. Selain itu penghayatan nilai boleh dididik melalui disiplin, pengajaran, model, pengukuhan sosial dan persekitaran yang sesuai boleh membentuk tingkah laku ke arah pembentukan yang lebih baik. (Grusec dan Goodnow, 1994). Masalah kedua yang dikenal pasti adalah sikap segelintir ibu bapa yang bertindak menghalang minat dan keinginan anak mereka untuk mempelajari

mata pelajaran Pendidikan Islam. Justeru, kajian ini perlu dijalankan bagi menilai sendiri sejauhmana minat sebenar murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam yang menjadi penghalang kepada sikap segelintir ibu bapa yang bersikap acuh tidak acuh terhadap Pendidikan Islam. Pembentukan fenomena yang tidak sihat ini semakin meningkat berlaku dan ini bukan sahaja membimbangkan ibu bapa beragama Islam yang menghantar anak-anak mereka di sekolah tetapi turut memberi impak kepada kredibiliti sekolah yang sepatutnya bertindak sebagai agen kawalan budaya dan berperanan membentuk budaya atau tingkah laku yang baik untuk generasi muda (Rozana dan Nor Hashimah, 2005).

Masalah ketiga yang merujuk kepada pelbagai kewujudan faktor dan pengaruh iklim di sekolah amat mempengaruhi pembentukan amalan kehidupan dalam kalangan murid di sekolah (Baharom *et al.* 2008). Menurut Safiah (2002), wujudnya pelbagai budaya dalam setiap kaum dan kepentingan pendidikan dalam setiap budaya yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Perkara yang dikhuatirkan adalah murid ini, mereka mudah terdedah dengan pelbagai faktor sama ada berbentuk positif mahupun negatif terhadap amalan penghayatan mereka. Sekiranya ketiadaan pengawasan dan yang mendalam terhadap faktor yang negatif ini dalam penghayatan Pendidikan Islam dalam maka akan menyebabkan perilaku mereka untuk menjurus ke arah budaya yang negatif adalah semakin runcing (Fatimi dan Mohd Zamani, 2006). Penelitian terhadap amalan yang bercirikan Islam perlu ditekankan agar dapat dijadikan panduan oleh murid beragama Islam walaupun mereka berada di dalam kawasan yang mempunyai budaya SJKC. Hal ini adalah kerana, apabila seseorang murid itu alpa dan tidak dibimbing dengan Pendidikan Islam yang betul maka mereka dengan mudah akan terjebak kepada budaya yang tidak sihat. Menurut Tajul dan Nor'Aini (2002), apabila seseorang manusia lupa, maka mereka akan tewas kepada tuntutan hawa nafsu dan bersikap materialistik dan tidak lagi menjalankan aktiviti berlandaskan kepada syariat Islam atau bentuk tegahan dalam Islam yang perlu dijauhi.

Masalah keempat yang dikenal pasti terhadap kajian ini adalah sikap segelintir guru yang tidak membenarkan mereka untuk ke kelas Pendidikan Islam adalah sesuatu yang menyedihkan. Mereka beralasan bahawa murid Islam ini tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan dan kadang-kadang sengaja mengambil waktu Pendidikan untuk mengulangkaji subjek teras yang tidak sempat dihabiskan

silibus sebelum menjelang peperiksaan. Seharusnya, seorang guru itu perlu memainkan peranan terhadap nilai dan penghayatan murid dan bukan hanya mementingkan diri semata-mata untuk kepentingan. Menurut Asmawati dan Muhammad Khairi (2010), seseorang guru itu berperanan dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni yang ditunjukkan oleh guru di sekolah. Masalah yang wujud seumpama ini merupakan satu masalah yang serius dan perlu kepada kajian yang mendalam. Hal ini kerana Pendidikan Islam juga perlu diberikan perhatian untuk kepentingan murid Islam yang bersekolah di situ. Pelbagai program boleh dijalankan di SJKC bagi menambahkan lagi penghayatan dan penerapan nilai-nilai dalam kalangan murid (Utusan Melayu : 11 Januari 2012) dan (Sinar Harian : 30 September 2016).

Sungguhpun banyak kajian mengenai amalan penghayatan dijalankan terhadap murid di sekolah sama ada di peringkat rendah mahupun menengah, namun begitu, bagi kajian ini pengkaji lebih berfokus terhadap amalan penghayatan Pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam. Tambahan pula, kajian sebegini masih kurang dijalankan dan perlu kepada kajian yang lebih mendalam. Justeru itu, pengkaji sangat yakin dan percaya bahawa kajian yang dijalankan ini sememangnya penting dan perlu dilaksanakan agar dapat membuka mata semua pihak mengenai masalah yang dihadapi oleh murid beragama Islam di SJKC serta memastikan masalah yang diutarakan ini dapat diberikan jalan penyelesaian yang terbaik demi kepentingan murid beragama Islam yang memilih SJKC sebagai pilihan untuk mereka belajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan atas beberapa objektif yang dikenal pasti bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji beberapa aspek utama, iaitu:

1. Menenal pasti amalan penghayatan murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam merangkumi empat bidang, iaitu (Asuhan Tilawah al-Quran, Ulum Syariah, Akhlak dan Jawi).
2. Mengkaji minat murid beragama Islam di SJKC terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.
3. Menenal pasti faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan murid beragama Islam terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC agar selari dengan falsafah, objektif dan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri.
4. Membina beberapa model penghayatan mata pelajaran Pendidikan Islam terhadap empat Bidang Utama dalam kalangan murid beragama Islam di SJKC.

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan daripada objektif yang dibuat, maka kajian dilakukan bertujuan untuk mendapatkan jawapan terhadap beberapa persoalan berikut :

1. Bagaimanakah amalan penghayatan murid beragama Islam di SJKC terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam merangkumi empat bidang iaitu (Asuhan Tilawah Al-Quran, Ulum Syariah, Akhlak dan Jawi)?
2. Sejauhmanakah minat murid beragama Islam di SJKC terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam?
3. Apakah faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan murid beragama Islam terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC agar selari dengan falsafah, objektif dan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri?
4. Bagaimanakah model terhadap empat bidang utama terhasil daripada amalan penghayatan mata pelajaran Pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di SJKC?



## 1.6 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen temu bual sebagai data utama (primer) bagi kaedah pengumpulan data di samping menjalankan pemerhatian dan menganalisis dokumen sebagai data sokongan. Bagi mencapai sasaran terhadap kajian yang dijalankan ini, maka kajian ini melibatkan murid beragama Islam tahun 5 yang berlainan jantina terdiri daripada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang terletak dalam daerah Johor Bahru sebagai responden utama terhadap kajian yang akan dijalankan. Keseluruhan kajian ini menjadikan jumlah murid yang menjadi responden utama seramai enam orang dan seramai tiga orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di setiap SJKC berkenaan sebagai responden tambahan bagi mendapatkan data sokongan (sekunder). Pemilihan guru dan murid yang betul dan tepat sebagai responden dalam sesebuah kajian adalah penting bagi membolehkan temu bual dijalankan sebaiknya. Hal ini selari dengan kenyataan Crawford & Irving (2009), yang menegaskan bahawa responden yang ditemu bual hendaklah dapat mengaitkan pengalaman dan pelajaran yang dimiliki dengan kepakaran dan pengetahuan terkini. Hal ini menghasilkan kefahaman yang menyeluruh berkaitan sesuatu isu.

Menurut Teori Navitis Naom Chomsky (1968), semua individu termasuk kanak-kanak dilahirkan dengan keupayaan berbahasa yang tersendiri dan akan menjadi lebih kompleks seusia 10 tahun dengan peneguhan yang betul dan suatu proses pembelajaran bahasa daripada orang dewasa. Kanak-kanak di dalam lingkungan 10 hingga 13 tahun juga mampu berinteraksi secara sosial, serta menjana idea-idea baru dalam menyampaikan pertuturan (Teori Perkembangan Kognitif Levs Vygotsky, 1978). Menurut Alwi (2009), mumayyiz kanak-kanak pada usia antara tujuh sehingga sembilan tahun. Tambahan lagi, tamyiz yang digunakan dalam digunakan pada kanak-kanak bukan bermaksud sudah berakal dengan sempurna tetapi hanya boleh berfikir dan membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk. Kriteria peribadi responden yang dipilih adalah berbeza mengikut tahap pencapaian mereka, iaitu sederhana dan cemerlang di dalam kelas. Pemilihan responden murid juga adalah daripada kalangan mereka yang aktif, tidak pemalu, bersedia dan selesa untuk memberi pandangan. Sementara itu untuk kriteria

pemilihan responden guru pula, mereka yang dipilih adalah sekurang-kurangnya yang telah berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam lingkungan lima hingga tujuh tahun kerana mereka lebih berpengalaman dan telah melihat sendiri amalan penghayatan Pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di SJKC (Khalid, 2009). Selain daripada batasan responden, pengkaji juga telah menetapkan batasan kajian yang akan dijalankan ini hanya untuk meneliti amalan penghayatan pendidikan Islam murid Islam di SJKC meliputi aspek keperibadian diri, pencapaian akademik, dan pengetahuan am di samping mengkaji minat dan faktor yang mempengaruhi amalan murid itu sendiri berdasarkan kepada pengalaman guru Pendidikan Islam SJKC itu sendiri terhadap murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kajian ini sama sekali tidak menyentuh aspek lain sama ada meliputi kaedah dan teori pengajaran dan bahan bantu mengajar dan sebagainya.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang berfokuskan kepada amalan penghayatan Pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini amat-amat diharapkan oleh pengkaji agar dapat membantu memberi maklumat dan panduan yang berguna kepada guru Pendidikan Islam di Malaysia yang lain yang akan ditempatkan untuk mengajar di SJKC dan SJKT. Kajian ini juga bertujuan memberi pendedahan awal dan situasi sebenar yang berlaku terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC memandangkan sehingga ke hari ini, pendedahan atau maklumat terperinci mengenainya masih belum dapat dihuraikan dan diteliti sepenuhnya oleh pelbagai pihak.

Oleh hal yang demikian, dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, sememangnya diharapkan dapat memberi maklumat mengenai senario yang berlaku terhadap amalan penghayatan Pendidikan Islam itu sendiri terhadap murid beragama Islam yang bersekolah di SJKC dan sememangnya persekitarannya yang agak berbeza jika dibandingkan dengan amalan penghayatan Pendidikan Islam murid beragama Islam yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan. Selain itu kepentingan kajian ini juga melibatkan kepada beberapa pihak yang berikut:

### **1.7.1 Kepentingan kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak KPM terutamanya BPI dalam menjalankan penelitian seterusnya menjadikan kajian ini sebagai kayu ukur atau penanda aras untuk membina sebuah buku panduan khas dalam menerapkan amalan penghayatan Pendidikan Islam itu sendiri terutamanya terhadap murid beragama Islam di SJKC. Hal ini penting kerana amalan penghayatan Pendidikan Islam di SJKC kerap ketinggalan jika dibandingkan dengan amalan penghayatan Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. Apabila satu garis panduan mengenai penghayatan Pendidikan Islam ini dijalankan, maka secara tidak langsung

dapat membantu dan membuka minda pihak KPM mengenai situasi yang sebenar berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini juga bertepatan dengan program KPM baru-baru ini yang telah membuat pengambilan guru pelatih bagi opsyen mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam yang bakal ditempatkan di SJKC.


### **1.7.2 Kepentingan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) agar dapat dijadikan rujukan khas dalam penyelerasan terhadap penerapan amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid beragama Islam di SJKC. Hal ini penting agar sebuah panduan atau modul khas dapat dibina dan diikuti agar selari dengan semua JPN bagi setiap negeri dan pihak PPD bagi setiap daerah untuk diadaptasi dalam sekolah-sekolah.

### **1.7.3 Kepentingan kepada Guru Pendidikan Islam (GPI ) di Malaysia**

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu terutamanya kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) agar bersedia dari segi mental dan fizikal apabila ditempatkan di SJKC. Melalui kajian pengkaji ini diharapkan dapat memartabatkan lagi profesion keguruan dalam mengajar Pendidikan Islam di sekolah yang majoritinya adalah orang cina dan berada di bawah pentadbiran mereka yang berbangsa cina.

1.8 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 : Kerangka kajian kualitatif amalan penghayatan Pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di SJKC

## **1.9 Definisi Operasional**

### **1.9.1 Amalan**

Berdasarkan kepada Encyclopedia of Islam (1979), amalan merujuk kepada perbuatan seharian yang dilakukan atau diamalkan dalam kehidupan yang juga bertindak sebagai suatu kebiasaan. Amalan dalam kajian ini membawa maksud perlakuan dalam kehidupan yang dijalankan oleh murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

### **1.9.2 Penghayatan**

Penghayatan menurut Encyclopedia of Islam (1979) bermaksud perihal dalam mengalami dan merasai dalam tindak tanduk. Menurut Abdul Halim (2002), dari segi bahasa penghayatan berasal dari perkataan 'hayat', iaitu berasal dari perkataan Arab yang bermakna hidup, manakala kata kerja 'menghayati' pula memberi maksud mengalami dan merasai (dalam batin) atau meresap ke dalam jiwa. Penghayatan dalam kajian ini membawa maksud nilai murni yang dihayati oleh murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

### **1.9.3 Pendidikan Islam**

Menurut Ensiklopedia Pendidikan Islam dan al-Quran (2010) istilah Pendidikan Islam merupakan rangkai kata yang membawa makna yang sangat luas, iaitu mata pelajaran agama Islam atau pengetahuan terhadap Agama Islam di sekolah semata-mata. Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang berasaskan kepada ajaran Islam merangkumi pelbagai aspek. Hal ini termasuk kurikulum, proses, sistem, kaedah, dan sebagainya. Menurut Naquib (2008), proses pendidikan itu harus mengandungi tiga unsur penting yang saling berkait rapat antara satu sama lain, iaitu pendidik, yang dididik dan ilmu pengetahuan. Menurut Mohd Kamal (2010),

menyatakan Pendidikan Islam menyatukan semua ilmu pengetahuan di bawah autoriti dan pengendalian al-Quran dan sunnah yang merupakan teras dalam sistem pendidikan dan kebudayaan Islam seluruhnya. Pendidikan Islam adalah aktiviti atau kegiatan yang bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti yang baik, dan bernilai tinggi mengikut kaca mata Islam (Burlian, 2010). Justeru, Pendidikan Islam harus berkaitan secara langsung dengan nilai murni Islam, kerana Islam itu agama wahyu dan nilai itu sebenarnya menjadi pedoman hidup setiap muslim (H. M Ariffin, 2011).

Rumusan mengenai amalan penghayatan Pendidikan Islam adalah satu usaha atau proses mengajar, mengasuh, membentuk, mendidik dan mengembangkan amalan dan sebuah potensi terhadap individu dari pelbagai bidang dalam Pendidikan Islam terutamanya perkara asas yang diterapkan di dalam sekolah sebagai panduan kepada diri seorang murid termasuk kepada aspek aqli, rohani, jasmani dan emosi supaya menjadi individu yang seimbang serta mampu untuk membangun diri, keluarga dan masyarakat berdasarkan ajaran Islam, serta berusaha ke arah mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat agar tidak terpesong daripada selain ajaran Islam yang tidak diingini memandangkan kepada zaman yang serba mencabar dan memerlukan amalan yang berterusan serta penghayatan yang mendalam agar sentiasa berada di jalan yang benar dan sentiasa dalam keredaan Allah.

#### **1.9.4 Murid-murid beragama Islam**

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), murid bermaksud orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar, penuntut. Menurut Ensiklopedia Asas Fardu Ain (2005), murid adalah mereka yang belajar di sekolah rendah dan berusia dalam lingkungan antara tujuh sehingga dua belas tahun. Dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan murid tersebut sebagai murid beragama Islam yang mendapatkan pendidikan agama di SJKC.

#### **1.9.5 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina**

Menurut Encyclopedia of Education (2003), sekolah merupakan merupakan sebuah bangunan atau tempat yang berfungsi untuk memberikan pendidikan kepada pelajar, yang merujuk sesiapa yang belajar di situ. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), sekolah rendah bermaksud sekolah permulaan untuk kanak-kanak. Mengikut sistem pendidikan di Malaysia, kanak-kanak yang berumur tujuh tahun diwajibkan untuk menerima pendidikan rendah selama enam tahun disekolah rendah. Tujuan pendidikan rendah ialah untuk mengadakan pendidikan asas di peringkat rendah kepada kanak-kanak untuk membolehkan mereka menulis, mengira dan membaca dengan berkesan bagi melengkapkan diri mereka melanjutkan pelajaran di sekolah menengah (Roshidi, 2014).

Pada awalnya kebanyakan sekolah cina mendapat pembiayaan sepenuhnya oleh kaum cina itu sendiri melalui pertubuhan, persatuan atau orang perseorangan. Antara saudagar yang menyumbang dalam pembinaan sekolah cina adalah Wong Ah Fook, Lim Ah Siang dan Tan Hiok Ne. Kurikulum awal di sekolah cina hanya bertumpu kepada ajaran klasik cina, opera, tulisan dan kebudayaan. Walaupun pada tahun 1929, peraturan yang lebih ketat dikenakan oleh Gabenor Cecil Clementi pada ketika itu agar bertumpukan kepada pendidikan Inggeris di sekolah cina, namun peraturan tersebut tidak memberi kesan sebaliknya mendapat tentangan hebat masyarakat keturunan cina itu sendiri. Buktinya sehingga kini pendidikan di sekolah cina masih menumpukan kepada Negara asal mereka dan masih memberi taat setia



kepada budaya serta adat resam. Negara asal mereka sama ada dalam aspek kurikulum, buku-buku teks mahupun bahan bacaan (Victor Pucell, 1980). Dalam kajian ini, SJKC merujuk kepada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang terletak dalam daerah Johor Bahru yang mempunyai kapasiti murid beragama Islam antara lima puluh sehingga lapan puluh orang murid.

### **1.10 Penutup**

Bab ini telah membincangkan hal yang ingin dikaji oleh pengkaji meliputi beberapa aspek yang bermula daripada pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep kajian, dan definisi istilah yang digunakan dalam menyempurnakan kajian ilmiah ini.

## 5.6 Penutup

Pada bab ini pengkaji telah membuat rumusan sepenuhnya bagi dapatan kajian yang diperolehi dengan merujuk kepada hasil analisis dapatan kajian yang diperolehi. Dapatan kajian itu seterusnya dibincangkan dengan lebih terperinci bagi melihat sekiranya terdapat persamaan dan perbezaan daripada teori sedia atau kajian lepas yang dihasilkan. Selain itu juga, impak kepada kajian ini dihuraikan secara terperinci dengan penghasilan beberapa model amalan penghayatan murid beragama Islam di SJKC terhadap empat bidang utama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekaligus membina beberapa cadangan yang telah dinyatakan bagi tujuan kajian lanjutan yang akan datang.

## RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Abd Hadi, B. B. Z. B. A. G. (2015). Pola Pendedahan Internet dan Impaknya Terhadap Kefahaman Islam di Kalangan Ahli Akademik Di UKM Dan USIM. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 405-421.
- Abd. Rahim, A. R. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdul Hamid, O. (2002). *Asuhan membaca al-Quran : Pendidikan Islam Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir, Y. (2007). *Membentuk Keluarga Menerusi Nilai-Nilai Kekeluargaan Islam. Dlm. Azrina Sobian. Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Rahim, A. R. (2003). *Islam Dan Kemasyarakatan*. Selangor: Fajar Bakti.
